

Maklumat pendidikan isu pandemik COVID-19

Pusat Sumber DSDN SMK Ranche-Ranche melaksanakan P2MP ketika sekolah norma baharu

PUSAT Sumber 5 bintang Wilayah Persekutuan Labuan, Pusat Sumber DSDN SMK Ranche-Ranche melaksanakan P2MP (Pencegahan dan Pemulihan Melalui Pendidikan) dengan menerbitkan sebuah rancangan 'Selamat Pagi Labuan (SPL) - Jom Kembali Ke Sekolah Norma Baharu' oleh Ranchas' TV.

Rancangan SPL yang diterbitkan oleh TV Pusat Sumber Sekolah yang dikenali Ranchas TV pada kali ini memfokuskan kepada pembukaan sekolah pada 24 Jun 2020.


Banyak maklumat perkongsian dalam persiapan sekolah normal baharu telah diberikan oleh pentadbir, guru, ibu bapa serta pelajar.

Untuk julung kalinya Ranchas TV telah melibatkan Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan dan enam buah sekolah termasuklah Kolej Vokasional Sepang, SMK Syed Abu Bakar Baling Kedah, SMK Putrajaya Presint 9 (2), Sekolah Menengah Sains Labuan, SMK Labuan dan guru serta pelajar SMK Ranche-Ranche.


Malah, pihak komuniti yang terdiri daripada ibu bapa setempat juga turut terlibat dalam menjayakan rancangan ini.

Ranchas' Production ingin melibatkan lebih banyak komuniti dan sekolah luar Labuan untuk meluaskan lagi rancangan SPL ini dan nama SMK Ranche-Ranche itu sendiri.

Selamat Pagi Labuan (SPL)



ALBUM: Krew Ranchas TV bersama Pengetua SMK Ranche-Ranche, Yahya Ahmad Puteh (berdiri empat kiri, belakang) dan pegawai dari Jabatan Pendidikan Labuan yang diketuai Khaziyati (duduk tengah).



BINCANG: Ranchas TV bersiaran secara langsung bersama Timbalan Pengarah Sektor Perancangan Jabatan Pendidikan WP Labuan Khaziyati Osman (tengah). Turut bersiaran Timbalan Pengarah Sektor Pengurusan Sekolah Jabatan Pendidikan WP Labuan Maimoon Matnoh (kanan).

